



20 September 2012
20 September 2012
P.U. (A) 304

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA
JENAYAH (REPUBLIK INDIA) 2012

*MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS
(REPUBLIC OF INDIA) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

PERINTAH BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH
(REPUBLIK INDIA) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 17(1) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Republik India) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa mengikut Perkara 28(2) Triti.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, "Triti" ertinya Triti antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik India mengenai Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah yang ditandatangani di Putrajaya, Malaysia pada 12 Mac 2012 yang dibawahnya Republik India telah bersetuju untuk memberikan bantuan dalam perkara jenayah kepada Malaysia.

Pengisytiharan Negara asing yang ditetapkan

3. Republik India diisytiharkan sebagai Negara asing yang ditetapkan bagi maksud Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.

Pemakaian Akta bagi Republik India

4. Bagi maksud Triti, Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 hendaklah terpakai berhubung dengan Republik India.

Kemasukan Triti dalam Perintah

5. Terma-terma Triti dinyatakan dalam Jadual dan menjadi sebahagian daripada Perintah ini.

JADUAL
[Perenggan 5]

TRITI
ANTARA
KERAJAAN MALAYSIA
DENGAN
KERAJAAN REPUBLIK INDIA
MENGENAI
BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH

SUSUNAN KANDUNGAN

<i>Perkara</i>	<i>Peruntukan</i>
Perkara 1	Ruang Lingkup Bantuan
Perkara 2	Ketidakpakaian
Perkara 3	Penetapan Pihak Berkuasa Pusat
Perkara 4	Pengehadan ke atas Bantuan
Perkara 5	Bentuk Permintaan
Perkara 6	Kandungan Permintaan
Perkara 7	Pelaksanaan Permintaan
Perkara 8	Pengehadan ke atas Penggunaan Keterangan yang diambil
Perkara 9	Perlindungan Kerahsiaan dan Penggunaan Keterangan dan Maklumat
Perkara 10	Pengambilan Keterangan
Perkara 11	Hak atau Obligasi untuk Enggan Memberikan Keterangan
Perkara 12	Membekalkan dokumen, rekod dan objek
Perkara 13	Kehadiran Orang di Negara yang Meminta
Perkara 14	Kehadiran Orang Dalam Jagaan di Negara yang Diminta
Perkara 15	Perjalanan Selamat

Perkara 16	Persidangan Video
Perkara 17	Pengeledahan dan Penyitaan
Perkara 18	Pemulangan Keterangan
Perkara 19	Lokasi atau Mengenal Pasti Orang
Perkara 20	Penyampaian Dokumen
Perkara 21	Bantuan Berkaitan dengan Hasil dan Peralatan Jenayah
Perkara 22	Kesesuaian dengan Perkiraan Lain
Perkara 23	Pemerakuan dan Pengesahan
Perkara 24	Bahasa
Perkara 25	Kos
Perkara 26	Rundingan
Perkara 27	Pindaan
Perkara 28	Ratifikasi, Permulaan Kuat Kuasa dan Penamatan

**TRITI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA
DENGAN KERAJAAN REPUBLIK INDIA
MENGENAI BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH**

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik India (kemudian daripada ini disebut secara sendirian sebagai “Pihak” dan secara kolektif sebagai “Pihak-Pihak”):

DIPANDU oleh tradisi hubungan persahabatan antara kedua-dua negara,

BERHASRAT untuk meningkatkan keberkesanan pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang Pihak-Pihak melalui kerjasama dan bantuan bersama dalam perkara jenayah,

TELAH BERSETUJU seperti yang berikut:

PERKARA 1
RUANG LINGKUP BANTUAN

1. Pihak-Pihak hendaklah, mengikut Triti ini dan selaras dengan undang-undang masing-masing, memberikan kepada satu sama lain bantuan bersama yang seluas mungkin berkaitan dengan penyiasatan, pendakwaan dan prosiding dalam perkara jenayah yang ke atasnya Pihak yang Meminta mempunyai bidang kuasa pada masa bantuan itu diminta.
2. Bantuan bersama yang akan diberikan mengikut Triti ini termasuklah:
 - (a) mengambil keterangan atau pernyataan daripada orang;
 - (b) membuat perkiraan bagi orang memberikan keterangan atau membantu di dalam penyiasatan jenayah, termasuk pemindahan orang dalam jagaan;
 - (c) melaksanakan penyampaian dokumen kehakiman;
 - (d) melaksanakan penggeledahan dan penyitaan;
 - (e) memeriksa objek dan tempat;
 - (f) membekalkan dokumen dan rekod yang berkaitan, termasuk rekod bank, kewangan, korporat atau perniagaan;
 - (g) membekalkan objek, termasuk meminjamkan ekshibit;
 - (h) mendapatkan, melucuthakkan atau merampas harta berkenaan dengan apa-apa perkara jenayah;
 - (i) menyekat urusan dalam harta atau pembekuan harta, yang boleh didapati kembali berkenaan dengan apa-apa perkara jenayah;

- (j)* mencari dan mengenal pasti saksi dan orang yang disyaki;
 - (k)* mengenal pasti atau mengesan hasil jenayah dan harta dan peralatan yang diperolehi atau digunakan dalam melakukan apa-apa perkara jenayah;
 - (l)* mendapatkan penalti kewangan berkenaan dengan apa-apa perkara jenayah; dan
 - (m)* apa-apa bentuk bantuan yang lain yang tidak dilarang oleh undang-undang Pihak yang Diminta.
3. Triti ini terpakai semata-mata kepada pemberian bantuan bersama antara Pihak-Pihak. Peruntukan-peruntukan Triti ini hendaklah tidak mewujudkan apa-apa hak bagi pihak mana-mana orang persendirian untuk memperoleh, menyekat atau mengetepikan apa-apa keterangan atau untuk menghalang pelaksanaan apa-apa permintaan untuk bantuan.

PERKARA 2 KETIDAKPAKAIAN

1. Triti ini tidak terpakai kepada –
- (a)* penangkapan atau penahanan mana-mana orang dengan tujuan untuk ekstradisi orang itu;
 - (b)* penguatkuasaan penghakiman jenayah Pihak yang Diminta yang dikenakan di Pihak yang Meminta kecuali setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta;
 - (c)* pemindahan mana-mana orang dalam jagaan untuk menjalani hukuman; dan
 - (d)* pemindahan prosiding dalam perkara jenayah.

2. Triti ini tidak memberi kuasa kepada mana-mana Pihak untuk melaksanakan, di dalam wilayah Pihak yang satu lagi, pelaksanaan bidang kuasa atau pelaksanaan fungsi yang diletakkan dalam ruang lingkup eksklusif pihak berkuasa Pihak yang satu lagi oleh undang-undangnya.

PERKARA 3

PENETAPAN PIHAK BERKUASA PUSAT

1. Setiap Pihak hendaklah menetapkan suatu Pihak Berkuasa Pusat untuk membuat dan menerima permintaan menurut Triti ini melalui saluran diplomatik.
2. Bagi Malaysia, Pihak Berkuasa Pusat ialah Peguam Negara atau seseorang yang ditetapkan oleh Peguam Negara.
3. Bagi Republik India, Pihak Berkuasa Pusat ialah Kementerian Dalam Negeri atau seseorang yang ditetapkan oleh Kementerian itu.
4. Setiap Pihak hendaklah secepat mungkin memberitahu Pihak yang satu lagi mengenai apa-apa perubahan dalam penetapan Pihak Berkuasa Pusatnya.
5. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 1, Pihak Berkuasa Pusat hendaklah berhubung secara langsung dengan satu sama lain bagi maksud Triti ini.

PERKARA 4

PENGEHADAN KE ATAS BANTUAN

1. Pihak Berkuasa Pusat bagi Pihak yang Diminta hendaklah menolak daripada memberi bantuan jika, pada pendapat Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Diminta –

(a) permintaan itu berhubung dengan penyiasatan, pendakwaan atau penghukuman seseorang berkenaan dengan perbuatan atau peninggalan yang, sekiranya berlaku di Pihak yang Diminta, akan menjadi kesalahan di

bawah undang-undang tentera Pihak yang Diminta yang juga bukan kesalahan di bawah undang-undang jenayah biasa Pihak yang Diminta;

(b) terdapat alasan substansial untuk mempercayai bahawa permintaan itu telah dibuat bagi maksud menyasat, mendakwa, menghukum atau selainnya menyebabkan prejudis kepada seseorang kerana ras, agama, jantina, keturunan etnik, kerakyatan atau pendapat politik orang itu;

(c) permintaan itu berhubung dengan penyiasatan, pendakwaan atau penghukuman seseorang bagi apa-apa perkara jenayah dalam kes yang orang itu –

(i) telah disabitkan, dibebaskan atau diberi pengampunan oleh mahkamah yang kompeten atau pihak berkuasa lain di Pihak yang Meminta; atau

(ii) telah menjalani hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang Pihak yang Meminta,

berkenaan dengan perkara jenayah itu atau perkara jenayah yang lain yang terbentuk dengan perbuatan atau peninggalan yang sama seperti kesalahan yang terdahulu;

(d) pemberian bantuan itu akan menjejaskan kedaulatan, keselamatan, ketenteraman awam atau kepentingan awam utama yang lain Pihak yang Diminta;

(e) pemberian atau pelaksanaan permintaan itu akan bertentangan dengan undang-undang Pihak yang Diminta; atau

(f) permintaan itu berhubung dengan suatu kesalahan yang bersifat politik.

2. Bagi maksud Triti ini, kesalahan yang berikut tidak boleh dianggap sebagai kesalahan yang bersifat politik:

- (a) suatu kesalahan yang diwujudkan di bawah apa-apa triti antarabangsa yang kedua-dua Pihak ialah pihak kepadanya dan yang diisytiharkan dalam triti antarabangsa berkenaan tidak dianggap sebagai suatu kesalahan yang bersifat politik bagi maksud bantuan bersama dalam perkara jenayah;
- (b) suatu kesalahan terhadap nyawa atau diri seseorang Ketua Negara atau anggota keluarga terdekat seseorang Ketua Negara, seseorang Ketua Kerajaan atau seseorang Menteri dalam Kerajaan Pihak-Pihak;
- (c) apa-apa percubaan, persubahatan atau komplot untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dalam subperenggan (a) dan (b).
3. Tanpa menjejaskan pengecualian yang dinyatakan dalam perenggan 2, Pihak yang Diminta boleh pertimbangkan jenayah berat terhadap nyawa, integriti fizikal atau kebebasan diri dan harta dan apa-apa percubaan, persubahatan atau komplot untuk melakukan mana-mana kesalahan tersebut tidak dianggap sebagai kesalahan yang bersifat politik bagi maksud Triti ini.
4. Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Diminta boleh menolak untuk memberi bantuan jika, Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Diminta berpendapat bahawa, pemberian bantuan tersebut akan atau boleh menjejaskan keselamatan mana-mana orang, sama ada orang itu berada di dalam atau di luar Pihak yang Diminta.
5. Bantuan tidak boleh ditolak semata-mata atas alasan kerahsiaan bank dan institusi kewangan yang seumpamanya atau bahawa suatu kesalahan itu juga dianggap melibatkan perkara fiskal.
6. Pihak yang Diminta boleh menangguhkan pelaksanaan permintaan jika pelaksanaan segera permintaan itu akan mengganggu suatu penyiasatan atau prosiding jenayah yang sedang berjalan di Pihak yang Diminta.

7. Sebelum menolak sesuatu permintaan atau menangguhkan pelaksanaan permintaan itu menurut Perkara ini, Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Diminta hendaklah menimbangkan sama ada bantuan boleh diberikan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.
8. Jika Pihak yang Meminta menerima bantuan tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan di bawah perenggan 7, Pihak itu hendaklah mematuhi terma dan syarat itu.
9. Jika Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Diminta menolak atau menangguhkan bantuan, Pihak Berkuasa Pusat Pihak Yang Diminta tersebut hendaklah dengan segera memberitahu Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Meminta sebab bagi penolakan atau penangguhan.
10. Pihak-Pihak mengaku janji bahawa mereka akan, tertakluk kepada undang-undang domestik masing-masing, membalas apa-apa bantuan yang diberikan berkaitan dengan kesalahan jenayah yang sama tanpa mengira hukuman yang terpakai.

PERKARA 5 BENTUK PERMINTAAN

1. Permintaan untuk bantuan hendaklah dibuat secara bertulis atau, sekiranya boleh, melalui apa-apa kaedah yang dapat menghasilkan suatu rekod bertulis di bawah keadaan yang membolehkan Pihak yang Diminta menentukan kesahan. Dalam situasi yang memerlukan tindakan segera dan jika dibenarkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta, permintaan boleh dibuat secara lisan, tetapi dalam hal sedemikian permintaan itu hendaklah disahkan secara bertulis dalam masa sepuluh hari.

2. Dalam hal keadaan yang memerlukan tindakan segera dan jika dibenarkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta, permintaan dan apa-apa komunikasi yang berhubungan dengannya boleh dihantar melalui Pertubuhan Polis Jenayah Antarabangsa (INTERPOL).

PERKARA 6 KANDUNGAN PERMINTAAN

1. Suatu permintaan hendaklah mengandungi maklumat yang diperlukan oleh Pihak yang Diminta atau penyiasatan atau prosiding jenayah untuk melaksanakan permintaan tersebut, termasuklah –
 - (a) nama pihak berkuasa yang kompeten yang menjalankan penyiasatan atau prosiding jenayah yang berhubungan dengan permintaan itu;
 - (b) tujuan permintaan itu dan sifat permintaan yang diminta;
 - (c) suatu perihalan mengenai kesalahan yang berhubungan dengan permintaan itu dengan ekstrak seksyen perundangan yang berkaitan;
 - (d) kecuali dalam hal permintaan untuk melaksanakan penyampaian dokumen kehakiman, suatu perihalan mengenai fakta-fakta yang dikatakan menjadi kesalahan itu dan suatu pernyataan atau teks undang-undang yang berkaitan;
 - (e) kecuali dalam hal permintaan untuk melaksanakan penyampaian dokumen kehakiman, suatu perihalan mengenai perbuatan atau peninggalan utama atau perkara-perkara yang dikatakan atau diminta untuk dipastikan;
 - (f) suatu perihalan mengenai keterangan, maklumat atau bantuan lain yang diminta;

- (g) sebab-sebab dan butir-butir mengenai apa-apa tatacara atau keperluan tertentu yang Pihak yang Meminta ingin supaya diikuti;
 - (h) penetapan apa-apa had masa yang dalamnya pematuhan dengan permintaan itu dikehendaki;
 - (i) apa-apa kehendak khas bagi kerahsiaan dan sebab-sebab baginya; dan
 - (j) apa-apa maklumat lain yang diperlukan untuk melaksanakan permintaan dengan sempurna.
2. Permintaan bagi bantuan boleh juga, setakat yang perlu, mengandungi maklumat yang berikut:
- (a) identiti, kerakyatan dan lokasi orang atau orang-orang yang menjadi subjek penyiasatan atau prosiding jenayah itu;
 - (b) identiti dan lokasi mana-mana orang yang daripadanya keterangan diminta;
 - (c) identiti dan lokasi seseorang yang kepadanya penyampaian akan dibuat, hubungan orang itu dengan prosiding jenayah itu, dan cara penyampaian perlu dibuat;
 - (d) maklumat mengenai identiti dan tempat di mana orang yang hendak dicari berada;
 - (e) suatu perihalan mengenai cara apa-apa testimoni atau pernyataan perlu diambil atau direkodkan;
 - (f) suatu senarai soalan yang hendak ditanyakan kepada seorang saksi;

- (g) suatu perihalan mengenai dokumen, rekod atau butiran keterangan yang perlu dikemukakan serta suatu perihalan mengenai orang yang sesuai diminta untuk mengemukakannya dan, setakat yang tidak diperuntukkan selainnya, bentuk yang dalamnya dokumen, rekod atau butiran keterangan itu patut dihasilkan semula dan disahkan;
 - (h) suatu pernyataan mengenai sama ada keterangan atau pernyataan bersumpah atau berikrar dikehendaki;
 - (i) suatu perihalan mengenai harta, aset atau barang yang berhubungan dengan permintaan itu, termasuk identiti dan lokasinya; dan
 - (j) apa-apa perintah mahkamah yang berhubungan dengan bantuan yang diminta dan suatu pernyataan berhubung dengan perintah yang muktamad itu.
3. Jika Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Diminta mendapati bahawa maklumat yang terkandung dalam permintaan itu tidak mencukupi untuk membolehkan permintaan itu diuruskan, Pihak Berkuasa Pusat itu boleh meminta maklumat tambahan. Pihak yang Meminta hendaklah membekalkan apa-apa maklumat tambahan tersebut yang didapati perlu oleh Pihak yang Diminta untuk membolehkan permintaan itu dipenuhi.
 4. Negara yang Diminta hendaklah tidak menolak untuk melaksanakan permintaan semata-mata kerana permintaan itu tidak mengandungi semua maklumat yang diperihalkan di bawah Perkara ini jika permintaan tersebut boleh selainnya dilaksanakan mengikut undang-undang Negara yang Diminta.

PERKARA 7

PELAKSANAAN PERMINTAAN

1. Permintaan untuk bantuan hendaklah dilaksanakan dengan segera, mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang dan amalan Pihak yang Diminta. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan amalannya, Pihak yang Diminta boleh melaksanakan permintaan mengikut cara yang diminta oleh Pihak yang Meminta.
2. Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Diminta boleh, jika diminta berbuat demikian, membuat semua perkiraan yang perlu bagi mewakili Pihak yang Meminta di dalam Negara yang Diminta dalam apa-apa prosiding yang berbangkit daripada suatu permintaan bagi bantuan itu atau sebaliknya hendaklah mewakili kepentingan Pihak yang Meminta.
3. Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Diminta hendaklah memberikan respons dalam tempoh yang munasabah kepada pertanyaan yang munasabah daripada Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Meminta berkenaan dengan kemajuan dalam pelaksanaan permintaan itu.
4. Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Diminta boleh meminta Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Meminta untuk membekalkan maklumat dalam apa-apa bentuk yang perlu untuk membolehkannya melaksanakan permintaan itu atau mengambil apa-apa langkah yang perlu di bawah undang-undang dan amalan Pihak yang Diminta untuk memberi kesan kepada permintaan yang diterima daripada Pihak yang Meminta.

PERKARA 8

PENGEHADAN KE ATAS PENGGUNAAN KETERANGAN YANG DIAMBIL

1. Pihak yang Meminta tidak boleh, tanpa persetujuan Pihak yang Diminta dan tertakluk kepada terma dan syarat yang didapati perlu oleh Pihak yang Diminta, menggunakan atau memindahkan maklumat atau keterangan yang dikemukakan oleh Pihak yang Diminta bagi maksud penyiasatan atau prosiding jenayah selain

daripada penyiasatan atau prosiding jenayah yang dinyatakan dalam permintaan itu.

2. Walau apa pun apa-apa jua perenggan 1, dalam kes di mana pertuduhan telah dipinda, maklumat atau keterangan yang dikemukakan boleh digunakan setakat mana kesalahan itu, seperti dalam pertuduhan, merupakan suatu perkara jenayah yang berkaitan dengannya bantuan bersama boleh diberikan di bawah Triti ini.

PERKARA 9

PERLINDUNGAN KERAHSIAAN DAN PENGGUNAAN KETERANGAN DAN MAKLUMAT

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, menggunakan usaha terbaiknya untuk menjaga kerahsiaan permintaan bagi bantuan itu, kandungannya dan dokumen sokongannya, hakikat pemberian bantuan itu dan apa-apa tindakan yang diambil menurut permintaan itu. Jika permintaan itu tidak dapat dilaksanakan tanpa melanggar kehendak kerahsiaan yang dinyatakan dalam permintaan itu, Pihak yang Diminta hendaklah memberitahu Pihak yang Meminta sedemikian, yang kemudiannya hendaklah menentukan sama ada permintaan itu masih patut dilaksanakan.
2. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, menjaga kerahsiaan keterangan dan maklumat yang diberikan oleh Pihak yang Diminta, kecuali setakat mana keterangan dan maklumat tersebut diperlukan untuk penyiasatan dan prosiding jenayah yang dinyatakan dalam permintaan itu.

PERKARA 10

PENGAMBILAN KETERANGAN

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, mengambil testimoni bersumpah atau berikrar, atau selainnya memperoleh pernyataan orang atau meminta orang itu mengemukakan

dokumen, rekod dan keterangan lain bagi penghantaran kepada Pihak yang Meminta.

2. Setakat yang tidak dilarang oleh undang-undang Pihak yang Diminta, orang yang dinyatakan dalam permintaan boleh dibenarkan untuk hadir bagi memudahkan pelaksanaan permintaan.

PERKARA 11

HAK ATAU OBLIGASI UNTUK ENGGAN MEMBERIKAN KETERANGAN

1. Seseorang yang dikehendaki memberikan testimoni bersumpah atau berikrar atau memberikan pernyataan atau mengemukakan dokumen, rekod atau keterangan lain di bawah Tritis ini di Negara yang Diminta atau Negara yang Meminta menurut suatu permintaan untuk bantuan boleh enggan untuk berbuat demikian jika –
 - (a) undang-undang Pihak yang Diminta membenarkan atau menghendaki supaya orang itu tidak memberikan keterangan dalam hal keadaan yang seumpamanya dalam prosiding yang bermula di Negara yang Diminta; atau
 - (b) undang-undang Pihak yang Meminta membenarkan atau menghendaki orang itu supaya tidak memberikan keterangan dalam hal keadaan yang seumpamanya dalam prosiding yang bermula di Negara yang Meminta.
2. Jika mana-mana orang menuntut bahawa terdapat hak atau obligasi untuk tidak memberikan testimoni bersumpah atau berikrar atau memberikan pernyataan atau mengemukakan dokumen, rekod atau keterangan lain di bawah undang-undang Pihak yang satu lagi, Pihak di mana orang itu hadir hendaklah, mengenai perkara itu, bergantung kepada perakuan yang diberikan atau deklarasi yang dibuat oleh Pihak yang satu lagi itu atau di bawah undang-undang Pihak yang satu lagi itu sebagai keterangan tentang kewujudan atau tidak hak atau obligasi itu.
3. Perkara ini tidak terpakai jika testimoni, pernyataan, dokumen, rekod atau keterangan lain diberikan, dibekalkan atau dikemukakan secara sukarela.

PERKARA 12

MEMBEKALKAN DOKUMEN, REKOD DAN OBJEK

1. Pihak yang Diminta hendaklah membekalkan kepada Pihak yang Meminta salinan rekod yang tersedia secara awam termasuk dokumen atau maklumat dalam apa-apa bentuk dalam milikan jabatan dan agensi kerajaan Pihak yang Diminta.
2. Pihak yang Diminta boleh, setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, membekalkan kepada Pihak yang Meminta salinan apa-apa rekod termasuk dokumen atau maklumat dalam apa-apa bentuk dan objek (termasuk meminjamkan ekshibit) yang berada dalam milikan jabatan atau agensi kerajaan Pihak yang Diminta yang tidak tersedia secara awam.
3. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta, dokumen, rekod atau objek hendaklah dibekalkan dalam bentuk atau disertakan dengan perakuan yang ditetapkan oleh Pihak yang Meminta untuk membolehkan ia diterima mengikut undang-undang Pihak yang Meminta.
4. Negara yang Diminta boleh membekalkan salinan yang diakui sah suatu dokumen atau rekod yang berkaitan melainkan jika Negara yang Meminta dengan nyata meminta salinan asal. Apabila salinan asal diminta, Pihak yang Diminta boleh membekalkannya sekiranya boleh.

PERKARA 13

KEHADIRAN ORANG DI NEGARA YANG MEMINTA

1. Pihak yang Diminta boleh, apabila diminta dan mengikut undang-undangnya, membantu dalam mengatur kehadiran seseorang, tertakluk kepada persetujuan orang itu di Negara yang Meminta –
 - (a) untuk membantu dalam penyiasatan berhubung dengan perkara jenayah di Negara yang Meminta; atau

- (b)* untuk hadir dalam prosiding berhubung dengan suatu perkara jenayah di Negara yang Meminta melainkan jika orang itu merupakan tertuduh.
2. Pihak yang Diminta hendaklah mengundang orang itu untuk hadir sebagai saksi atau pakar di dalam prosiding jenayah atau untuk membantu dalam penyiasatan. Jika perlu, Pihak yang Diminta hendaklah memuaskan hatinya bahawa perkiraan yang memuaskan telah diambil bagi keselamatan orang itu.
 3. Jika seseorang diminta untuk hadir di Negara yang Meminta, permintaan itu hendaklah mengandungi maklumat mengenai perkara yang berikut:
 - (a)* fi, elaun dan perbelanjaan;
 - (b)* perkiraan bagi keselamatan; dan
 - (c)* perkiraan bagi penginapan.

PERKARA 14

KEHADIRAN ORANG DALAM JAGAAN DI NEGARA YANG MEMINTA

1. Pihak yang Diminta boleh, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh dan mengikut undang-undangnya, membenarkan orang dalam jagaan, tertakluk kepada persetujuan orang itu, untuk dipindahkan secara sementara kepada Negara yang Meminta untuk memberikan keterangan atau membantu penyiasatan.
2. Selagi orang dalam jagaan yang dipindahkan dikehendaki berada di dalam tahanan di bawah undang-undang Pihak yang Diminta, Pihak yang Meminta hendaklah menahan orang dalam jagaan dan hendaklah memulangkan orang dalam jagaan itu kepada Pihak yang Diminta apabila perkara yang berkaitan dengan perpindahan itu diselesaikan atau pada masa yang lebih awal apabila kehadiran orang itu tidak lagi diperlukan.

3. Jika Pihak yang Diminta menasihatkan Pihak yang Meminta bahawa orang yang dipindahkan itu tidak lagi diperlukan untuk ditahan dalam jagaan orang itu hendaklah dibebaskan daripada jagaan dan dianggap sebagai orang yang disebut dalam Perkara 13 Triti ini.
4. Tempoh orang itu berada di bawah jagaan di Negara yang Meminta hendaklah diambil kira dalam mengira tempoh pemenjaraan atau tahanan orang itu di Negara yang Diminta.

PERKARA 15
PERJALANAN SELAMAT

1. Tertakluk kepada perenggan 2, jika seseorang hadir di Negara yang Meminta menurut suatu permintaan di bawah Perkara 13 atau 14 Triti ini –
 - (a) orang itu tidak boleh ditahan, didakwa, dihukum atau dikenakan apa-apa sekatan lain terhadap kebebasan diri di Negara yang Meminta berkaitan dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan atau sabitan bagi apa-apa kesalahan terhadap undang-undang Pihak yang Meminta yang telah atau dikatakan telah dilakukan sebelum orang itu berlepas dari Negara yang Diminta;
 - (b) orang itu tidak boleh tanpa persetujuannya, dikehendaki untuk memberikan keterangan dalam apa-apa prosiding jenayah atau membantu dalam apa-apa penyiasatan di Negara yang Meminta selain prosiding jenayah atau penyiasatan yang berhubungan dengan permintaan itu; atau
 - (c) orang itu tidak boleh dikenakan apa-apa guaman sivil berkaitan dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan orang itu yang telah berlaku atau dikatakan telah berlaku sebelum orang itu berlepas dari Negara yang Diminta.
2. Perenggan 1 tidak terpakai jika orang itu, yang bebas untuk pergi, tidak meninggalkan Negara yang Meminta dalam tempoh 15 hari berturut-turut selepas

orang itu telah diberitahu secara rasmi bahawa kehadirannya tidak lagi diperlukan atau setelah meninggalkan, telah kembali dengan sukarela, dengan syarat bahawa Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Meminta boleh melanjutkan tempoh ini sehingga 15 hari atas alasan munasabah.

3. Seseorang yang hadir di hadapan pihak berkuasa yang kompeten atau di mahkamah di Negara yang Meminta menurut permintaan yang dibuat di bawah Perkara 13 atau 14 Triti ini tidak boleh didakwa berdasarkan testimoninya tetapi orang itu adalah tertakluk kepada undang-undang Pihak yang Meminta berhubungan dengan penghinaan mahkamah dan sumpah bohong.
4. Seseorang yang tidak bersetuju untuk hadir di Negara yang Meminta menurut permintaan yang dibuat di bawah Perkara 13 atau 14 Triti ini tidak boleh hanya disebabkan oleh keengganan atau kegagalan untuk bersetuju itu dikenakan apa-apa penalti atau liabiliti atau selainnya termudarat di sisi undang-undang.

PERKARA 16

PERSIDANGAN VIDEO

Tiada apa-apa dalam Triti ini boleh menghalang penggunaan hubungan video atau televisyen secara langsung atau kemudahan komunikasi dan multimedia lain yang sesuai mengikut undang-undang dan tatacara Pihak yang Diminta, jika ia adalah suai manfaat demi kepentingan keadilan untuk berbuat demikian.

PERKARA 17

PENGGELEDAHAN DAN PENYITAAN

1. Pihak yang Diminta hendaklah, setakat yang dibenarkan oleh dan mengikut undang-undangnya, melaksanakan suatu permintaan bagi penggeledahan, penyitaan dan penghantaran apa-apa dokumen, rekod atau objek kepada Pihak yang Meminta jika terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dokumen, rekod atau objek itu adalah berkaitan dengan suatu perkara jenayah bagi maksud keterangan.

2. Pihak yang Meminta hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pihak yang Diminta berhubungan dengan apa-apa dokumen, rekod atau objek yang disita yang dihantar kepada Pihak yang Meminta yang didapati perlu oleh Pihak yang Diminta untuk melindungi dokumen, rekod atau objek yang akan dipindahkan.
3. Pihak yang Diminta hendaklah memberitahu Pihak yang Meminta akan keputusan yang diperoleh secepat mungkin.

PERKARA 18

PEMULANGAN KETERANGAN

1. Pihak yang Meminta hendaklah, apabila diminta, di akhir perkara jenayah yang berkaitan dengannya permintaan bagi bantuan itu dibuat memulangkan kepada Pihak yang Diminta apa-apa dokumen, rekod atau objek yang dibekalkan kepada Pihak yang Meminta.
2. Walau apa pun apa-apa jua perenggan 1, Pihak yang Meminta hendaklah pada bila-bila masa, apabila diminta, memulangkan secara sementara kepada Pihak yang Diminta apa-apa dokumen, rekod atau objek yang dibekalkan kepada Pihak yang Meminta.

PERKARA 19

LOKASI ATAU MENGENAL PASTI ORANG

Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh dan mengikut undang-undangnyanya, menggunakan usaha terbaiknya untuk menentukan lokasi atau identiti seseorang yang dinyatakan dalam permintaan itu.

PERKARA 20
PENYAMPAIAN DOKUMEN

1. Pihak yang Diminta hendaklah, mengikut undang-undanganya, menyampaikan apa-apa dokumen yang dihantar kepadanya untuk maksud penyampaian.
2. Pihak yang Meminta hendaklah menghantar suatu permintaan bagi penyampaian dokumen yang berkenaan dengan suatu respons atau kehadiran di Negara yang Meminta dalam tempoh yang munasabah sebelum respons atau kehadiran yang dijadualkan itu.
3. Pihak yang Diminta hendaklah mengembalikan bukti penyampaian mengikut cara yang dikehendaki oleh Pihak yang Meminta.

PERKARA 21
BANTUAN BERKAITAN DENGAN HASIL DAN PERALATAN JENAYAH

1. Pihak yang Diminta hendaklah, atas permintaan, berusaha untuk mengenal pasti sama ada apa-apa hasil atau peralatan jenayah terletak dalam bidang kuasanya dan hendaklah memberitahu Pihak yang Meminta mengenai hasil siasatannya.
2. Apabila, menurut perenggan 1 Perkara ini, hasil atau peralatan jenayah yang disyaki telah dijumpai, Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta, mengambil apa-apa langkah yang dibenarkan oleh dan mengikut undang-undanganya untuk menyekat dan melucuthakkan hasil atau peralatan tersebut.
3. Hasil atau peralatan yang dilucuthakkan atau dirampas menurut Terti ini hendaklah disimpan oleh Pihak yang Diminta, melainkan jika dipersetujui selainnya.

PERKARA 22
KESESUAIAN DENGAN PERKIRAAN LAIN

1. Tiada apa-apa jua dalam Triti ini boleh menghalang Pihak-Pihak daripada memberikan bantuan kepada satu sama lain menurut triti lain, perkiraan lain atau peruntukan undang-undang nasional mereka.
2. Triti ini tidak menjejaskan atau menyekat hak dan obligasi Pihak-Pihak berkenaan bantuan bersama dalam perkara jenayah di bawah mana-mana triti atau perkiraan antarabangsa, dua hala atau pelbagai hala yang lain.

PERKARA 23
PEMERAKUAN DAN PENGESAHAN

Dokumen, rekod dan objek yang dihantar menurut Triti ini tidak menghendaki apa-apa bentuk pengesahan, kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 12 atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Negara yang Meminta.

PERKARA 24
BAHASA

1. Permintaan dan dokumen sokongannya dan komunikasi lain yang berkenaan dengan permintaan itu hendaklah dikemukakan dalam Bahasa Inggeris.
2. Jika dokumen itu tidak dalam Bahasa Inggeris, dokumen itu hendaklah disertakan dengan terjemahan dalam Bahasa Inggeris.

PERKARA 25

KOS

1. Pihak yang Diminta hendaklah menanggung perbelanjaan biasa yang berkaitan dengan pelaksanaan permintaan untuk bantuan, kecuali Pihak yang Meminta hendaklah menanggung –
 - (a) fi peguam yang diambil, jika ada, di atas permintaan Pihak yang Meminta;
 - (b) fi dan perbelanjaan pakar atau saksi;
 - (c) kos penterjemahan, pentafsiran dan pentranskripsian; dan
 - (d) perbelanjaan yang berkaitan dengan pembawaan seseorang ke atau dari wilayah Pihak yang Diminta dan fi, elaun dan perbelanjaan yang kena dibayar kepada orang itu semasa orang itu berada di Negara yang Meminta menurut permintaan di bawah Perkara 13 atau 14 Tritis ini.
2. Kos menggunakan hubungan video atau televisyen secara langsung atau kemudahan komunikasi dan multimedia lain yang bersesuaian, kos berhubung dengan penyelenggaraan hubungan video atau televisyen secara langsung atau kemudahan komunikasi dan multimedia lain yang bersesuaian, bayaran penterjemah yang disediakan oleh Pihak yang Diminta dan elaun kepada saksi dan perbelanjaan perjalanan saksi di Pihak yang Diminta hendaklah dibayar balik oleh Pihak yang Meminta kepada Pihak yang Diminta melainkan jika Pihak-Pihak bersetuju selainnya bersama.
3. Jika semasa pelaksanaan permintaan itu adalah jelas bahawa sumber-sumber termasuk perbelanjaan yang bersifat luar biasa atau besar adalah diperlukan bagi melaksanakan permintaan itu, Pihak-Pihak hendaklah bersama menentukan terma dan syarat bagi pelaksanaan permintaan itu.

PERKARA 26

RUNDINGAN

1. Pihak-Pihak Berkuasa Pusat hendaklah berunding pada masa yang dipersetujui bersama untuk menggalakkan penggunaan Triti ini yang paling berkesan.
2. Pihak-Pihak boleh memajukan apa-apa langkah praktikal yang didapati perlu untuk memudahkan pelaksanaan Triti ini.
3. Apa-apa perbezaan tentang pentafsiran peruntukan Triti ini hendaklah diselesaikan melalui rundingan bersama melalui saluran diplomatik.

PERKARA 27

PINDAAN

Triti ini boleh diubah suai atau dipinda pada bila-bila masa melalui persetujuan bertulis bersama Pihak-Pihak.

PERKARA 28

RATIFIKASI, PERMULAAN KUAT KUASA DAN PENAMATAN

1. Triti ini tertakluk kepada ratifikasi dan instrumen ratifikasi hendaklah ditukar dengan secepat mungkin.
2. Triti ini hendaklah mula berkuat kuasa dari tarikh pertukaran instrumen ratifikasi.
3. Triti ini hendaklah terpakai bagi permintaan yang dikemukakan selepas tarikh permulaan kuat kuasanya sama ada perbuatan atau peninggalan yang berkaitan yang menjadikan kesalahan itu berlaku sebelum atau selepas tarikh itu.

4. Mana-mana Pihak boleh menamatkan Triti ini dengan memberikan pemberitahuan bertulis. Penamatan hendaklah berkuat kuasa enam (6) bulan dari tarikh yang padanya penamatan itu diberitahu kepada Pihak yang satu lagi.
5. Penamatan Triti ini tidak menjejaskan hak dan obligasi yang berbangkit daripada atau berdasarkan pada Triti ini dan kepada penyempurnaan mana-mana permintaan yang dibuat menurut Triti ini sebelum tarikh penamatan.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, yang bertandatangan di bawah ini, yang diberi kuasa sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Triti ini.

Dibuat dalam dua salinan asal di Putrajaya pada 12 hari bulan Mac Dua Ribu Dua Belas, dalam bahasa Hindi, Melayu dan Inggeris, dengan setiap teks sama kesahihannya. Dalam hal apa-apa perbezaan dalam pentafsiran, teks bahasa Inggeris hendaklah terpakai.

BAGI KERAJAAN MALAYSIA

BAGI KERAJAAN REPUBLIK INDIA

Tan Sri Abdul Gani Patail
Peguam Negara Malaysia

Sanjay Singh
*Setiausaha
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri*

Dibuat 29 Ogos 2012
[JPN(R)152/185/29/8]ld. 5; PN(PU2)628/VI]

DATO' SERI MOHAMED NAZRI TAN SRI ABDUL AZIZ
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS ACT 2002
MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS (REPUBLIC OF INDIA)
ORDER 2012

IN exercise of the powers conferred by subsection 17(1) of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 [*Act 621*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

2. (1) This order may be cited as the **Mutual Assistance in Criminal Matters (Republic of India) Order 2012**.

(2) This Order comes into operation in accordance with Article 28(2) of the Treaty.

Interpretation

2. In this Order, "Treaty" means the Treaty between the Government of Malaysia and the Government of the Republic of India on Mutual Assistance in Criminal Matters signed in Putrajaya, Malaysia on 12 March 2012 under which the Republic of India has agreed to provide assistance in criminal matters to Malaysia.

Declaration of prescribed foreign State

